

China Kekalkan Pertumbuhan KDNK 2014 Pada 7.5 Peratus
Bernama
5 Mac, 2014
Oleh Niam Seet Wei

BEIJING, 5 Mac (Bernama) -- China, ekonomi kedua terbesar dunia, mengekalkan sasaran keluaran dalam negara kasar 2014 pada 7.5 peratus, kata Perdana Menteri Li Keqiang kepada parlimen pada Rabu.

Sasaran indeks harga pengguna negara itu tahun ini juga disasarkan kepada 3.5 peratus, sama seperti sasaran tahun lepas, katanya semasa pembukaan mesyuarat tahunan parlimen.

Beliau berkata kerajaan akan menambah lebih 10 juta pekerjaan di bandar tahun ini dan pada masa yang sama mengekalkan kadar pengangguran bandar di bawah 4.6 peratus.

"Ia akan meningkatkan defisit fiskal negara ini kepada 1.35 trilion yuan, menambah 2.1 peratus berbanding tahun lepas iaitu 1.2 trilion yuan," katanya.

Untuk perbelanjaan ketenteraan, kerajaan akan menaikkan perbelanjaan sebanyak 12.2 peratus kepada 808.23 bilion yuan dan peruntukan keselamatan awam sebanyak 6.1 peratus kepada 205.07 bilion yuan, kata Li pada sesi sembilan hari Kongres Rakyat Kebangsaan.

Sesi parlimen China bermula hari ini dan berakhir pada 13 Mac.

Ekonomi China mencatatkan 7.6 peratus pertumbuhan setahun penuh tahun lepas, melepasi 7.5 peratus unjuran pertumbuhan tahunan.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1019416>